Asas Agama

[Dan] melengkapi agama itu atas tiga perkara iaitu **Islam** (اسلام) dan **Iman** (ايمان) dan **Ihsan** (احسان):

[Bermula **Islam** itu] mengikut dan menerima oleh zahir seseorang akan barang yang mendatangkan dengan dia oleh Nabi ﷺ daripada segala barang yang diketahuikan daripada agama dengan **dharurah** (ضرورة) ertinya dengan ketiadaan fikir dan bicara seperti dua kalimah **syahadah** (شهادة) dan sembahyang dan dikehendaki dengan mengikut dan menerima itu mengaku lidah dengan barang yang tersebut itu dan tiada menolakkan dia dan jika tiada diamalkan dia sekalipun seperti meninggal ia akan sembahyang dan umpamanya selama-lamanya.

[Dan segala rukun Islam itu] lima perkara:

[Pertama]: Bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan bahawa Muhammad pesuruh Allah dan ini rukun tertentu dengan orang kafir yang menghendaki masuk agama Islam,
[Kedua]: Mendirikan sembahyang yang lima (waktu),
[Ketiga]: Memberikan zakat,
[Keempat]: Puasa Bulan Ramadhan,
[Kelima]: Haji akan Baitullah bagi mereka yang kuasa kepadanya akan jalan.

[Bermula **Iman** itu] membenar hati akan Nabi ﷺ pada tiap-tiap suatu yang mendatang ia dengan dia daripada barang yang maklum daripada agama dengan dharurah[3], dan dikehendaki dengan membenar itu mengikut hati dan menerimanya akan barang yang tersebut itu, tiada semata-mata mengetahui benar Nabi ﷺ serta ketiadaan mengikut dan menerima. Maka tiada dihukumkan dengan iman pada kebanyakan daripada segala kafir yang mengetahui mereka itu bahawasanya Sayyidina Muhammad ﷺ itu Nabi dan Rasul yang sebenar, kerana ketiadaan mengikut hati mereka itu dan ketiadaan menerimanya akan demikian itu.

[Dan segala rukun Iman itu] enam perkara:

[Pertama]: Beriman, ertinya percaya dengan Allah ﷻ,
[Kedua]: Beriman dengan MalaikatNya,
[Ketiga]: Beriman dengan segala KitabNya,
[Keempat]: Beriman dengan segala RasulNya,
[Kelima]: Beriman dengan hari yang kesudahan,
[Keenam]: Beriman dengan QadarNya baiknya dan jahatnya. Ertinya bahawasanya sekalian perkara sama ada elok seperti taat atau keji seperti maksiat, hasil ia dengan perbuatan Allah ﷻ atas muwafaqat kehendakNya pada sediakala.

[Bermula **Ihsan** itu] berbuat baik dengan bahawa ikhlas oleh seseorang pada segala taatnya dan iaitu beribadat kita akan Allah ﷻ padahal seolah-olah kita melihatkan Dia. Maka tiada patut bahawa berpaling kita kepada yang lainnya dengan batin (باطن) atau zahir (ظاهر) pada hal mengetahui kita bahawa Allah ﷻ itu.

Maka malu kita pada ketika itu bahawa lalai kita di dalam ibadatNya. Dan Ihsan ini syarat bagi kesempurnaan Islam dan Iman, maka tiada sempurna keduanya melainkan dengan dia.

---

3. Barang yang maklum (معلوم) daripada agama dengan dharurah: ertinya barang yang diketahuikan daripada segala dalil agama sebagai pengetahuan yang masyhur antara segala ahli agama hingga menyerupai dharurah ertinya ketiadaan fikir dan bicara.